



**MANUAL  
PERMOHONAN PEMBERITAHUAN  
SUKARELA HAK CIPTA  
(AWAM)**

**Tarikh Kuat Kuasa**

**1 OGOS 2024**

(No. Pindaan: 01)

Penafian: Dokumen ini merupakan rujukan permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta dan tidak terikat dengan mana-mana prosedur perundangan. Pengeluaran dokumen ini kepada pihak luar berkenaan permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta adalah tidak dibenarkan melainkan dengan kebenaran MyIPO.

# MANUAL PERMOHONAN PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA (AWAM)

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PEMBERITAHUAN HAK CIPTA DALAM SESUATU KARYA (BORANG CR-1)	1
2.	KARYA	7
	<i>Perincian Pengkelasan Kategori Karya</i>	7
	<i>Format Karya Yang Diterima</i>	10
	<i>Ketidakbolehdaftaran Karya Hak Cipta</i>	11
3.	PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA OLEH WAKIL (BORANG CR-3)	12
4.	PERMINTAAN UNTUK MEMINDA PEMBERITAHUAN HAK CIPTA (BORANG CR-4)	13
5.	PERMINTAAN UNTUK MEMBETULKAN KESILAPAN PERKERANIAN (BORANG CR-6)	14
6.	PEMBETULAN, PEMADAMAN ATAU PINDAAN (BORANG CR-7)	15
7.	PERMINTAAN PETIKAN (BORANG CR-9)	15
	<i>Permintaan Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta</i>	17
8.	PEMBERITAHUAN PERTUKARAN ALAMAT (BORANG CR-10)	17
9.	PEMBERITAHUAN PENYERAHHAKAN, LESEN, PEMBERIAN BER WASIAT ATAU KUAT KUASA UNDANG-UNDANG (BORANG CR-11)	18
10.	PERMOHONAN MENGGUNAKAN KAEDAH PESANAN TEMPATAN, CEK DAN BANK DRAF	19
11.	PENGGUGURAN PROSES PEREKODAN KARYA DARIPADA DAFTAR PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA ( <i>SHALL BE DEEMED WITHDRAWN</i> )	19
12.	MENARIK BALIK PERMOHONAN UNTUK PEREKODAN KARYA DARIPADA DAFTAR PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA ( <i>WITHDRAW</i> )	20

## 1. **PEMBERITAHUAN HAK CIPTA DALAM SESUATU KARYA (BORANG CR-1)**

- 1.1 Borang CR-1 adalah bagi pemfailan karya-karya yang dibuat oleh pemilik karya.
- 1.2 Borang CR-1 adalah wajib bagi setiap permohonan pemberitahuan hak cipta dan mengandungi butiran-butiran seperti yang berikut:

<b>BUTIRAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
Tajuk Karya	Tajuk karya hendaklah di tulis dalam tulisan abjad rumi.
Terjemahan	Tajuk karya selain Bahasa Melayu atau Inggeris hendaklah disertakan terjemahan bahasa yang digunakan.
Transliterasi	Tajuk karya selain Bahasa Melayu atau Inggeris hendaklah disertakan sebutan bahasa yang digunakan.
Jenis Bahasa	Jenis Bahasa yang digunakan bagi tajuk karya atau karya tersebut.
<b>Seksyen A</b>	<b>Kategori Karya</b>
Kategori Karya	Hendaklah mematuhi Akta Hak Cipta 1987.
Tarikh Ciptaan/ Penetapan Karya	Tarikh karya lengkap disiapkan atau tarikh karya ditetapkan di dalam suatu format material (hari/bulan/tahun).

BUTIRAN	KETERANGAN
<b>Seksyen B</b>	<b>Penerbitan</b>
Terbitan	<p>Tarikh terbitan ini penting bagi mewujudkan hak hak cipta pemohon terutama bagi karya antarabangsa.</p> <p>Tarikh, tahun dan tempat diterbitkan hendaklah dinyatakan di Seksyen B. Tarikh terbitan ini hendaklah sama atau selepas tarikh karya dicipta atau ditetapkan seperti yang dinyatakan di Seksyen A (<i>published work</i>).</p> <p>Karya juga boleh tidak mempunyai tarikh terbitan kerana karya tersebut masih belum diterbitkan di mana-mana tempat selepas dicipta (<i>unpublished work</i>).</p>
<b>Seksyen C</b>	<b>Pencipta</b>
Pencipta	<p>Pencipta hendaklah mereka yang layak digelar sebagai 'pencipta' berdasarkan Akta Hak Cipta 1987. Maklumat pencipta hendaklah berdasarkan dokumen-dokumen rasmi iaitu:</p> <p>(a) bagi <b>individu</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama berdasarkan kad pengenalan atau passport;</li> <li>(ii) saluti TIDAK dibenarkan;</li> <li>(iii) nombor kad pengenalan atau passport;</li> <li>(iv) kewarganegaraan; dan</li> <li>(v) tarikh kematian (jika berkaitan); manakala</li> </ul> <p>(b) bagi <b>entiti berdaftar</b>:</p>

BUTIRAN	KETERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama entiti berdasarkan sijil atau surat pendaftaran entiti; dan</li> <li>(ii) nombor pendaftaran entiti (jika ada).</li> </ul>
Seksyen D	Pemunya
Pemunya	<p>Pemunya hendaklah mereka yang mempunyai hak terhadap sesuatu karya berdasarkan Akta Hak Cipta 1987. Maklumat pemunya hendaklah berdasarkan dokumen-dokumen rasmi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) bagi <b>individu</b>: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama berdasarkan kad pengenalan atau pasport;</li> <li>(ii) saluti TIDAK dibenarkan;</li> <li>(iii) nombor kad pengenalan atau pasport;</li> <li>(iv) alamat terkini;</li> <li>(v) kewarganegaraan; dan</li> <li>(vi) tarikh kematian (jika berkaitan); manakala</li> </ul> </li> <li>(b) bagi <b>entiti berdaftar</b>: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama entiti berdasarkan sijil atau surat pendaftaran entiti;</li> <li>(ii) nombor pendaftaran entiti (jika ada); dan</li> <li>(iii) alamat terkini.</li> </ul> </li> </ul>

BUTIRAN	KETERANGAN
<b>Seksyen E</b>	<b>Pemegang Lesen</b>
Pemegang lesen	<p>Pemegang lesen hendaklah mereka yang mendapat hak pelesenan melalui perjanjian pelesenan atau dokumen perundangan daripada pemunya hak cipta berdasarkan Akta Hak Cipta 1987. Maklumat pemegang lesen hendaklah berdasarkan dokumen-dokumen rasmi iaitu:</p> <p>(a) bagi <b>individu</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama berdasarkan kad pengenalan atau pasport;</li> <li>(ii) saluti TIDAK dibenarkan;</li> <li>(iii) nombor kad pengenalan atau pasport;</li> <li>(iv) alamat terkini;</li> <li>(v) kewarganegaraan; dan</li> <li>(vi) tarikh kematian (jika berkaitan); manakala</li> </ul> <p>(b) bagi <b>entiti berdaftar</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) nama entiti berdasarkan sijil atau surat pendaftaran entiti;</li> <li>(ii) nombor pendaftaran entiti (jika ada); dan</li> <li>(iii) alamat terkini; DAN</li> </ul> <p>(c) sesalinan perjanjian perlesenan yang telah disetem atau dokumen perundangan sebagai bukti pemberian lesen oleh pemunya hak cipta.</p>

<b>BUTIRAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
<b>Seksyen F</b>	<b>Individu Untuk Dihubungi</b>
Maklumat individu untuk dihubungi	Pastikan maklumat individu hendaklah dimasukkan dengan lengkap termasuk alamat, e-mel dan nombor telefon. Individu hendaklah bermastautin dan beralamat di Malaysia. Alamat adalah seperti alamat pemunya hak cipta.
<b>Seksyen G</b>	<b>Pengesahan Pemohon</b>
Pengesahan	<p>Pemohon hendaklah mengisikan nama, tarikh dan tandatangan.</p> <p>Sekiranya pemohon adalah sebuah entiti bukan individu, ia hendaklah ditandatangani oleh wakil yang dilantik atau diberi kuasa dengan mengisikan nama, jawatan, tarikh dan tandatangan.</p> <p>Sekiranya pemohon adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, ibu bapa atau penjaganya boleh mengesahkan permohonan tersebut.</p>
<b>Seksyen H</b>	<b>Bahasa Sijil</b>
Pilihan Bahasa pada Sijil	Pilihan Bahasa sama ada Bahasa Melayu atau Inggeris perlu dibuat oleh pemohon. Sekiranya tiada maklumat diberikan, sijil berbahasa Melayu akan dikeluarkan. Satu sijil sahaja akan dikeluarkan bagi setiap permohonan melainkan pemohon membuat bayaran tambahan bagi sijil tambahan yang dikeluarkan tanpa mengira pilihan bahasa sijil tersebut.

BUTIRAN	KETERANGAN
<b>Seksyen I</b>	<b>Penyerahan Sijil</b>
Kaedah penerimaan sijil	<p>Pemohon boleh membuat pilihan sama ada sijil diserahkan kepada pemohon melalui pos atau membuat kutipan sendiri di pejabat permohonan dibuat.</p> <p>Sekiranya tiada pilihan dibuat oleh pemohon, sijil tersebut akan diposkan terus ke alamat individu untuk dihubungi.</p>
<b>Seksyen J</b>	<b>Urusan Pejabat</b>
Kegunaan Pejabat	<p>Cop terima yang mengandungi tarikh penerimaan permohonan perlu diletakkan. Sekiranya tiada maklumat tersebut diletakkan, tarikh resit bayaran hendaklah dianggap sebagai bukti tarikh penerimaan permohonan tersebut dengan syarat nombor permohonan pada borang tersebut adalah sama dengan nombor resit.</p>



## 2. KARYA

### 2.1 Perincian Pengkelasan Kategori Karya

- (a) Maklumat kategori karya boleh diisi berdasarkan kategori karya seperti di bawah:

KATEGORI KARYA	CONTOH
Karya Sastera	<i>novel, cerita, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain, lakonan, drama, arahan pentas, senario filem, skrip siaran, karya koreografi dan pantomim, treatis, sejarah, biografi, karangan dan artikel, ensiklopedia, kamus dan karya rujukan lain; surat, laporan dan memorandum; syarahan, ucapan, khutbah dan karya lain yang sama sifatnya; jadual atau penyusunan, sama ada atau tidak dinyatakan dalam perkataan, angka atau simbol dan sama ada atau tidak dalam bentuk yang tampak; dan program komputer (apa-apa bahasa, kod atau tataatanda bagi suatu set arahan).</i>
Karya Seni	<i>karya grafik (apa-apa lukisan cat, lukisan, rajah, peta, carta atau pelan; dan apa-apa ukir pahat, ecing, litograf, ukir kayu atau karya seumpamanya;), fotograf (suatu perekodan cahaya atau sinaran lain pada apa-apa bahantara yang padanya suatu imej dihasilkan atau yang daripadanya suatu imej boleh dengan apa-apa cara dihasilkan, dan yang bukan sebahagian filem), seni ukir (suatu acuan atau model yang dibuat) atau kolaj, tanpa mengira kualiti seni; karya seni bina dalam bentuk bangunan atau model bagi bangunan; atau karya pertukangan seni.</i>
Karya Muzik	<i>apa-apa karya muzik, dan termasuklah karya yang digubah untuk iringan muzik.</i>
Karya Filem	<i>gambar bergerak; atau dirakamkan pada bahan-bahan lain, sama ada lut cahaya atau tidak supaya dengan menggunakan bahan itu ia boleh ditunjukkan sedemikian, dan termasuklah bunyi yang terkandung dalam sesuatu runut bunyi yang berkaitan dengan suatu filem.</i>

KATEGORI KARYA	CONTOH
Rakaman Bunyi	<i>penetapan siri bunyi atau suatu perlambangan bunyi yang boleh didengar dan boleh dikeluarkan semula dengan apa-apa cara, tetapi tidak termasuk suatu alur bunyi yang berkaitan dengan suatu filem.</i>
Siaran	<i>pemancaran, melalui cara wayar atau wayarles, akan imej tampak, bunyi atau maklumat.</i> <i>Nota: “perkhidmatan penyiaran” ertinya mana-mana perkhidmatan siaran radio atau televisyen yang dikendalikan di bawah arahan dan kawalan am atau di bawah lesen Kerajaan di mana-mana bahagian Malaysia</i>
Karya Terbitan	<i>terjemahan, penyesuaian, susunan dan perubahan lain karya yang layak bagi hak cipta; dan koleksi karya yang layak bagi hak cipta, atau penyusunan data semata-mata sama ada dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin atau bentuk lain, yang menjadi suatu hasil ciptaan intelek oleh sebab pemilihan dan susunan kandungannya.</i>

(b) Pengkategorian karya perlu dibuat dengan betul oleh pemohon. Karya terbitan adalah karya yang wujud hasil dari karya asal yang telah sedia ada. Sekiranya karya tersebut dilihat umum dan telah dibuat penambahbaikan, ia adalah karya terbitan dan layak mendapat perlindungan hak cipta. Contohnya adalah:

(a) *Al-Quran adalah karya umum dan kini telah diletakkan warna dan ditambah ciri lain bagi memudahkan pemahaman pembacaan. Ciri baharu ini telah meletakkan ia sebagai karya terbitan.*

(b) *Gambar kad permainan monopoli yang dibuat penambahbaikan dan ciri baharu.*

(c) *Gambar-gambar yang dijadikan katalog.*

- (d) *Kalendar tahunan.*
- (e) *Karya-karya lama yang dikategorikan sebagai Warisan Negara atau Traditional Cultural Expression (TCE) yang telah direkodkan semula dengan kreativiti sendiri seperti Mak Yong, Muzik Sape, Batik lama.*
- (c) Contoh permohonan bagi kategori karya adalah seperti yang berikut:

KATEGORI KARYA	CONTOH
Karya Sastera	<i>Artikel: Akibat Pandemic Covid dan Lirik Lagu Covid (merujuk kepada penulisan sahaja).</i>
Karya Seni	<i>Gambar-gambar Pandemic Covid serta penyusunan grafik dalam Artikel Akibat Pandemic Covid (merujuk kepada gambar dan susun atur grafik dan warna dalam artikel tersebut).</i>
Karya Muzik	<i>Nota muzik lagu Covid.</i>
Karya Filem	<i>Suntingan gambar, filem pendek dan gambar-gambar bergerak untuk tujuan pendedahan tentang Covid.</i>
Rakaman Bunyi	<i>Lirik lagu Covid dinyanyikan dan dimasukkan nota muzik bagi menghasilkan lagu untuk dirakamkan.</i>
Siaran	<i>Rakaman bunyi lagu Covid digabungkan bersama filem tentang Covid dan diserahkan kepada penyiar tempatan untuk tujuan siaran.</i>

KATEGORI KARYA	CONTOH
Karya Terbitan	<p>(a) <i>Contoh gabungan karya yang sama jenis dalam satu permohonan:</i></p> <p style="padding-left: 40px;"><i>Artikel-artikel berkenaan Covid digabungkan bersama-sama artikel Akibat Pandemic Covid menjadi - Karya Terbitan (Kompilasi/ Koleksi).</i></p> <p>(b) <i>Contoh gabungan karya yang berlainan jenis dalam satu permohonan:</i></p> <p style="padding-left: 40px;"><i>Kompilasi gabungan Artikel Akibat Pandemic Covid, Lagu Covid, Gambar, Filem Covid, Lirik Lagu dan Nota Muzik serta Siaran boleh dijadikan sebagai Karya terbitan (Kompilasi/ Koleksi).</i></p>

## 2.2 Format Karya Yang Diterima

- (a) Karya hendaklah diberikan kepada MyIPO dalam format digital dan tertakluk kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh MyIPO dari semasa ke semasa.
- (b) Saiz karya yang melebihi 3 gigabit hendaklah dibuat bayaran tambahan bagi setiap tambahan data karya permohonan tersebut sebelum permohonan itu boleh diterima.
- (c) Sebarang peranti atau penyimpan karya seperti cakera optik yang telah diberikan kepada MyIPO tidak akan dikembalikan kepada pemohon.
- (d) Berikut adalah format yang diterima oleh MyIPO dan tidak terhad tertakluk kepada perubahan teknologi dari semasa ke semasa:

KATEGORI KARYA	FORMAT DIGITAL
Karya Sastera	PDF, RAR, DOC, DOCX, XLS, XLSX, PPT, PPTX, TXT, PNG, GIF, JPG, JPEG, BMP, RTF, PHP, WMV, ZIP
Karya Seni	PDF, GIF, JPEG, PNG, JPG, BMP, AI, ZIP, RAR, XLS, DOCX
Karya Muzik	MP3, WMV, PDF (NOTA MUZIK), MPG, MPEG, AVI, MP4, FLV, RM, MOV, ASF, SWF, WMA
Karya Filem	AVI, MPEG, MDV, MP4, 3GP, MPG, FLV, WMV, RM, MOV, ASF, SWF, M4V
Rakaman Bunyi	MP3, WMV, AVI, MP4, FLV, WMA, PDF, DOC, WAV, RAR, ZIP
Siaran	AVI, MPEG, MDV, MP4, 3GP, MPG, FLV, WMV, RM, MOV, ASF, SWF, M4V
Karya Terbitan	Bergantung kepada format seperti di atas

### 2.3 Ketidakbolehdaftaran Karya Hak Cipta

- (a) Sebarang kandungan karya yang mengandungi unsur-unsur larangan sebagaimana yang dinyatakan di dalam mana-mana undang-undang di Malaysia adalah dilarang didaftarkan.
- (b) Penggunaan *watermark* kepada karya hanya boleh diterima dengan syarat *watermark* tersebut tidak mencacatkan karya dan karya masih boleh dilihat dengan jelas.
- (c) Penggunaan kata laluan atau kata keselamatan terhadap karya tidak boleh diterima dan boleh menjejaskan permohonan.

### **3. *PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA OLEH WAKIL (BORANG CR-3)***

- 3.1 Borang CR-3 hendaklah terpakai kepada pemunya hak cipta bukan warganegara atau bukan bermastautin di Malaysia. Borang CR-3 juga hendaklah terpakai kepada pemunya hak cipta yang menggunakan perkhidmatan ejen atau menggunakan wakil pihak ketiga untuk membuat permohonan.
- 3.2 Borang CR-3 ini berfungsi sebagai pendaftaran wakil atau ejen yang mewakili pemohon dalam Daftar Hak Cipta dan direkodkan melainkan pemohon membuat lantikan wakil atau ejen yang baharu kelak.
- 3.3 Permohonan yang telah menggunakan wakil atau ejen yang sama pada CR-1 tidak perlu kemukakan Borang CR-3 pada permohonan borang seterusnya (jika perlu) kecuali bagi Borang CR-11. Borang CR-3 baharu masih perlu dikemukakan bersama borang CR-11 walaupun wakil yang sama digunakan pada permukaan borang CR-1 sebelum itu.
- 3.4 Wakil boleh menandatangani borang-borang lain bagi pihak pemohon dengan syarat pemohon telah menandatangani borang CR-3 memperakui pelantikannya sebagai wakil.
- 3.5 Maklumat alamat individu untuk dihubungi yang tiada kaitan dengan pemunya, pencipta dan pemegang lesen perlu mengemukakan Borang CR-3. Bagi memastikan individu tersebut adalah wakil pemunya iaitu syarikat, alamatnya perlulah sama dengan alamat pemunya.
  - (a) Borang CR-3 boleh dikemukakan oleh:
    - (a) ejen harta intelek;
    - (b) individu mewakili bukan warganegara;

- (c) individu bukan warganegara tetapi beralamat di Malaysia;
  - (d) individu yang mewakili pemunya, pemegang serah hak dan pemegang lesen; atau
  - (e) individu mewakili pemunya, pemegang serah hak dan pemegang lesen yang merupakan warganegara tetapi beralamat di luar negara.
- (b) Borang CR-3 tidak terpakai kepada:
- (a) *Despatch/ runner;*
  - (b) *pekerja mewakili syarikat (pemohon); atau*
  - (c) *ibu bapa atau penjaga yang mewakili pemohon yang berusia 18 tahun ke bawah.*

#### 4. **PERMINTAAN UNTUK MEMINDA PEMBERITAHUAN HAK CIPTA (BORANG CR-4)**

- 4.1 Pindaan kepada pemberitahuan sukarela hak cipta boleh dibuat **SEBELUM** Sijil dan Notis Pemberitahuan Hak Cipta dikeluarkan.
- 4.2 Pindaan melalui Borang CR-4 hanya untuk permintaan pindaan dan kesilapan yang dilakukan oleh pemohon dan bukan dari kakitangan MyIPO.
- 4.3 Contoh permintaan untuk meminda permohonan pemberitahuan sukarela hak cipta adalah seperti yang berikut:

<b>DIBENARKAN</b>	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) <i>Pinda, gugur atau tambah nama;</i></li> <li>(b) <i>Pindaan maklumat individu untuk dihubungi; dan</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) <i>Pindaan pada tajuk karya atau maklumat secara menyeluruh;</i></li> </ul>

(c) <i>Pindaan kesilapan perkeranian pada borang.</i>	(b) <i>Perubahan kandungan karya; dan</i> (c) <i>Pertukaran wakil</i>
---	--

4.4 Setelah pemberitahuan hak cipta direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta, Sijil dan Notis Pemberitahuan Hak Cipta akan diberikan kepada pemohon.

## 5. **PERMINTAAN UNTUK MEMBETULKAN KESILAPAN PERKERANIAN (BORANG CR-6)**

5.1 Borang CR-6 dikemukakan bagi tujuan pembetulan kesilapan perkeranian yang dilakukan oleh pemohon dan bukan dari kakitangan MyIPO.

5.2 Contoh pembetulan kesilapan perkeranian

<b>DIBENARKAN</b>	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
(a) <i>Meminda kesilapan perkeranian (I misk you, Pindaan : I miss you); atau</i>	(a) <i>Pindaan pada penyusunan semula (I love you, Pindaan : You love me);</i>
(b) <i>Meminda kesilapan ejaan pada nama pencipta/ pemunya/ pelesen.</i>	(b) <i>Pindaan pada pengurangan perkataan (I love you, Pindaan : I love);</i>
	(c) <i>Pindaan pada pertambahan perkataan (I love you, Pindaan : I love you more);</i>
	(d) <i>Pindaan maklumat pada borang secara menyeluruh;</i>
	(e) <i>Penambahan nama pencipta dan pemunya;</i>
	(f) <i>Pengguguran nama pencipta;</i>
	(g) <i>Perubahan kandungan karya; atau</i>
	(h) <i>Pertukaran wakil.</i>



## 6. **PEMBETULAN, PEMADAMAN ATAU PINDAAN (BORANG CR-7)**

- 6.1 Borang CR-7 boleh dikemukakan bagi pembetulan, pemadaman atau pindaan terhadap sijil dan notis yang telah dikeluarkan berdasarkan kepada arahan Mahkamah.
- 6.2 Tiada bayaran dikenakan dan hanya salinan Perintah Mahkamah diakui sah diperlukan.
- 6.3 Rekod hanya akan dibuat pembetulan, pemadaman atau pindaan hanya selepas sebulan dari tarikh Perintah Mahkamah tersebut dikeluarkan iaitu sekiranya tiada rayuan dibuat oleh pihak terkilan.
- 6.4 Permohonan ini hanya akan diuruskan oleh Bahagian Hak Cipta sahaja.

## 7. **PERMINTAAN PETIKAN (BORANG CR-9)**

- 7.1 Permintaan petikan dibuat bagi semua dokumen dan karya yang terdapat dalam Daftar Hak Cipta.
- 7.2 Permintaan petikan

<i>Petikan Diperakui Sah (Certified Extracts (CTC))</i>	<i>Petikan Tidak Diperakui Sah (Non-Certified Extracts (NCTC))</i>
<i>Permohonan boleh dibuat oleh pemunya, pencipta, pemegang lesen dan sesiapa sahaja.</i>	<i>Permohonan boleh dibuat oleh pemunya, pencipta, pemegang lesen sahaja.</i>
<i>Untuk kes melibatkan litigasi, pihak defendant hendaklah mendapatkan Perintah Mahkamah.</i>	<i>Permohonan boleh disediakan oleh pihak kaunter dan cawangan sekiranya permohonan memenuhi syarat.</i>

No. Pindaan: 01	Tarikh kuat kuasa: 01/08/2024
<b>Manual Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (Awam)</b>	

<i>Permohonan dari orang awam perlu dapatkan surat persetujuan dari pemunya.</i>	<i>Permohonan secara elektronik yang melebihi saiz 3GB perlu kemukakan pemacu kilat USB/Cakera Keras Luaran/Kad SD sendiri.</i>
<i>Polis/Pihak Penguatkuasa boleh mendapatkan maklumat dari Daftar Hak Cipta tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987.</i>	<i>Polis/Pihak Penguatkuasa boleh mendapatkan maklumat dari Daftar Hak Cipta tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987.</i>

### **Proses Penerimaan Permohonan**

<i>Permohonan perlu dikemukakan kepada Bahagian Hak Cipta tanpa bayaran. Bahagian Hak Cipta akan membuat penilaian kepada permohonan sebelum disahkan jumlah bayaran yang dikenakan.</i>	<i>Permohonan boleh dibuat di Kaunter dan hanya pihak Kaunter perlu membuat perkiraan permohonan dengan betul.</i>
<i>Setelah pemberitahuan hak cipta direkodkan ke dalam Daftar hak cipta, Notis Pemberitahuan akan dihantar kepada pemohon bagi permohonan berjaya.</i>	<i>Maklumat akan dicetak kepada pemohon dari Kaunter setelah bayaran lengkap diterima dan borang lengkap diisi. (dokumen)</i>  <i>Permintaan petikan melalui Elektronik perlu dikemukakan terus kepada Bahagian Hak Cipta.</i>

### **Fi**

<table border="1"> <tr> <td><i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i></td> <td style="text-align: center;"><i>RM100</i></td> </tr> <tr> <td><i>(b) Petikan pemberitahuan yang diperakui sah – setiap muka surat</i></td> <td style="text-align: center;"><i>RM10</i></td> </tr> </table>	<i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i>	<i>RM100</i>	<i>(b) Petikan pemberitahuan yang diperakui sah – setiap muka surat</i>	<i>RM10</i>	<table border="1"> <tr> <td><i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i></td> <td style="text-align: center;"><i>RM100</i></td> </tr> <tr> <td><i>(c) Petikan yang tidak diperakui sah</i></td> <td style="text-align: center;"><i>RM5</i></td> </tr> <tr> <td><i>(i) Salinan cetak – setiap muka surat</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td><i>(ii) Salinan elektronik</i></td> <td style="text-align: center;"><i>RM30</i></td> </tr> </table>	<i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i>	<i>RM100</i>	<i>(c) Petikan yang tidak diperakui sah</i>	<i>RM5</i>	<i>(i) Salinan cetak – setiap muka surat</i>		<i>(ii) Salinan elektronik</i>	<i>RM30</i>
<i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i>	<i>RM100</i>												
<i>(b) Petikan pemberitahuan yang diperakui sah – setiap muka surat</i>	<i>RM10</i>												
<i>(a) Sijil pemberitahuan hak cipta tambahan – setiap salinan</i>	<i>RM100</i>												
<i>(c) Petikan yang tidak diperakui sah</i>	<i>RM5</i>												
<i>(i) Salinan cetak – setiap muka surat</i>													
<i>(ii) Salinan elektronik</i>	<i>RM30</i>												

No. Pindaan: 01	Tarikh kuat kuasa: 01/08/2024
<b>Manual Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (Awam)</b>	

	(A) 1KB hingga 1GB		
	(B) Setiap tambahan 1GB	RM10	

### 7.3 *Permintaan Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta*

- (a) Borang CR-9 (Petikan Tidak Diperakui Sah) perlu dikemukakan sekiranya pemohon ingin mendapatkan sijil tambahan dengan harga RM100 bagi sekeping sijil sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik.
- (b) Borang CR-9 (Petikan Diperakui Sah) perlu dikemukakan sekiranya pemohon ingin mendapatkan sijil tambahan dengan harga RM100 bagi sekeping sijil beserta cop diperakui sah oleh Bahagian Hak Cipta.
- (c) Sijil yang dimohon adalah berdasarkan kepada permintaan dan tidak wajib.
- (d) Permintaan sijil bagi Bahasa Inggeris akan dibuat berdasarkan kepada permintaan pemohon semasa permohonan CR-1 atau permohonan tambahan.
- (e) Apa-apa permohonan sijil daripada Daftar Hak Cipta hendaklah melalui CR-9 dengan fi yang ditetapkan mengikut Akta yang berkuatkuasa semasa permohonan sijil dibuat.

## 8. **PEMBERITAHUAN PERTUKARAN ALAMAT (BORANG CR-10)**

- 8.1 Sebarang pertukaran alamat boleh dibuat menggunakan Borang CR-10 dan satu Borang CR-10 hanya mewakili satu alamat.

- 8.2 Pertukaran hanya pada alamat pemunya, pemegang lesen, pemegang serah hak dan maklumat individu untuk dihubungi (*contact person*).
- 8.3 Pertukaran yang melibatkan ejen dan alamat ejen hendaklah dibuat pada borang CR-3 sahaja (sebelum dan selepas Sijil dan Notis Pemberitahuan Hak Cipta dikeluarkan).

## **9. PEMBERITAHUAN PENYERAHHAKAN, LESEN, PEMBERIAN BER WASIAT ATAU KUAT KUASA UNDANG-UNDANG (BORANG CR-11)**

- 9.1 Dokumen yang diperlukan:

<i>Penyerahhakan</i>	<i>Deed of Assignment</i>
<i>Pelesenan</i>	<i>Perjanjian Lesen</i>
<i>Pemberian Wasiat</i>	<i>Surat Wasiat, Surat Kuasa, Perintah Mahkamah</i>

- 9.2 Borang CR-11 diisi sekiranya berlaku perubahan maklumat di dalam Daftar seperti pindah milik hak, pemberian wasiat atau pemberian lesen.
- 9.3 Setelah pemberitahuan Penyerahhakan, Lesen atau Pemberian Wasiat direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta, Notis akan dihantar kepada pemohon.
- 9.4 Permohonan untuk pertambahan atau pertukaran nama pemunya boleh dipertimbangkan sekiranya permohonan dibuat berdasarkan kepada peruntukan Akta.

## **10. PERMOHONAN MENGGUNAKAN KAEDAH PESANAN TEMPATAN, CEK DAN BANK DRAF**

10.1 Pembayaran menggunakan pesanan tempatan, perlu kemukakan borang CR-1 dan karya yang lengkap kepada Bahagian Hak Cipta atau penerima permohonan sama ada dari pejabat cawangan atau bahagian lain di MyIPO untuk semakan sebelum Sebut Harga dapat dikeluarkan.

10.2 Sekiranya prosedur seperti di atas tidak dipatuhi di mana nombor permohonan diberikan kepada pemohon sebelum penerimaan bayaran, pegawai yang mengarahkan untuk pengeluaran nombor tersebut perlulah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran dibuat sehingga selesai.

10.3 Bayaran melalui cek/bank draf, hendaklah dibuat atas nama **“PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA”**.

## **11. PENGGUGURAN PROSES PEREKODAN KARYA DARIPADA DAFTAR PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA (SHALL BE DEEMED WITHDRAWN)**

11.1 Pengguguran proses perekodan karya ke dalam Daftar Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta boleh berlaku selepas pemohon sendiri tidak memberikan maklum balas kepada Surat Tidak Lengkap yang dikeluarkan pihak MyIPO dalam tempoh telah ditetapkan.

11.2 Sebarang dokumen yang dihantar oleh pemohon selepas dari tempoh tamat maklum balas tersebut tidak perlu dimasukkan ke dalam Daftar Hak Cipta.

11.3 Tiada sebarang surat makluman akan diberikan kepada pemohon kerana telah dinyatakan di dalam Surat Tidak Lengkap dengan jelas seperti berikut “Sehubungan dengan itu, tuan/puan perlu mengambil tindakan pembetulan dan

kemukakan pembetulan tersebut dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh surat ini. Kegagalan tuan/puan berbuat demikian seperti dinyatakan di perenggan 3, permohonan tuan/puan akan digugurkan dari senarai permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta.”

## **12. MENARIK BALIK PERMOHONAN UNTUK PEREKODAN KARYA DARIPADA DAFTAR PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA (WITHDRAW)**

12.1 Pemohon boleh kemukakan pemakluman secara bertulis kepada Pengawal Hak Cipta sekiranya ingin membuat penarikan balik permohonan hak cipta yang telah dikemukakan pada bila-bila masa sahaja sebelum sijil dan notis dikeluarkan oleh Pengawal Hak Cipta.

12.2 Sebarang pindaan atau pembatalan dalam Daftar Hak Cipta selepas sijil dan notis dikeluarkan hanya boleh dibuat melalui perintah Mahkamah.